

Analisis -ik, -ikal dan -is dalam bahasa Melayu berdasarkan data korpus

Chin Lee Yim

(chin@dbp.gov.my)

Bahagian Penyelidikan Bahasa

Dewan Bahasa dan Pustaka

(<http://www.dbp.gov.my>)

Abstrak

Akhiran -ik, -ikal dan -is sering menimbulkan kekeliruan antara penggunaan dengan maknanya. Makna perkataan yang berakhir dengan -ikal ada kalanya boleh bertukar ganti dengan -is, demikian juga -ik. Kertas kerja ini akan membincangkan analisis ketiga-tiga akhiran ini berdasarkan pendekatan linguistik korpus untuk melihat perkaitan makna antara satu sama lain. Analisis ini akan menggunakan kaedah statistik dalam linguistik korpus untuk melihat hubung kait setiap leksis dengan akhiran yang berbeza. Dapatan ini kemudian akan dihuraikan pula dengan asas teoretis sedia ada dan makna leksikal dalam kamus.

1.0 Pendahuluan

Bentuk terbitan akhiran -ik, -ikal dan -is sering menimbulkan pelbagai tanda tanya di kalangan penggunanya, biarpun kepada ahli linguis, guru-guru bahasa, pelajar mahupun khalayak ramai. Oleh sebab sesetengah perkataan akhiran bahasa Inggeris *-ical* boleh berakhir dengan -ikal atau -is mahupun -ik, maka kekeliruan timbul adakah (*empirikal/empiris/empirik) boleh saling bertukar ganti? Dalam kes sedemikian, adakah

bentuk terbitan -ik, -ikal dan -is bersinonim antara satu sama lain? Sekiranya tidak, sejauh manakah perbezaannya?

Kajian lepas tentang akhiran ini tidak banyak yang memperincikan persoalan ini. Jika adapun perbincangannya jarang menemukan kita dengan jawapan yang pasti. Maka kertas ini akan cuba mengupas persoalan yang ditimbulkan. Bahagian 2 kertas ini akan mendokumenkan asas teoretis serta hujah tokoh bahasa tentang setiap akhiran ini. Bahagian ketiga nanti pula akan membincangkan strategi yang baru untuk menangani persoalan ini melalui pendekatan linguistik korpus, diikuti dengan perbandingan antara dapatan kajian dengan kenyataan dalam kajian lepas di bahagian keempat dan akhir sekali kesimpulan kajian.

2.0 Asas Teoretis

Seperti yang telah dinyatakan, kajian tentang persoalan akhiran -ik dan -ikal ini tidak banyak dipersoalkan, apalagi ditambah dengan akhiran -is dalam bahasa Melayu. Bahagian ini akan menyenaraikan beberapa pendapat tokoh bahasa, pedoman pembentukan istilah yang telah ditetapkan dan makna leksikal berdasarkan kamus untuk senarai perkataan yang berakhiran masing-masing dengan -ik, -ikal, dan -is. Senarai perkataan ini terdiri daripada enam pasang perkataan yang mempunyai kekerapan yang tinggi dengan akhiran masing-masing daripada data korpus DBP sebanyak kumulatif 100 juta patah perkataan¹.

Berikut diperturunkan padanan makna leksikal daripada kamus untuk senarai perkataan masing-masing dengan akhiran -ik, -ikal dan -is.

2.1 Makna leksikal dalam kamus

Kata	Makna Semantik	Sumber
Analitis	bersifat penyelidikan atau penghuraian sesuatu (spt keadaan, masalah, persoalan, dll) utk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dll) secara terperinci atau	KD3, KBBI

	mendalam; bersifat analisis	
Ekonomik	bkn sesuatu yg menghasilkan keuntungan atau tidak merugikan, atau yg tidak melibatkan atau tidak menggunakan perbelanjaan, dsb yg membazir	KD3, KBMN
Ekonomis	tidak boros, jimat, tidak menggunakan sesuatu dgn membazir atau berlebihan, hemat	KD3, KUBI, KBBI, KBMN
	bersifat hati-hati dlm pengeluaran wang, penggunaan barang, dan penggunaan waktu	KBMN
	sesuai utk digunakan	KD3
Empirik	berdasarkan (bergantung pd) pemerhatian atau eksperimen, bukan teori	KD3, KBMN
Empirikal	berdasarkan (bergantung pd) pemerhatian atau eksperimen, bukan teori; empirik	KD3, KBMN
Empiris	berdasarkan (bergantung pd) pemerhatian atau eksperimen, bukan teori	KD3
	berdasarkan pengalaman (terutama yg diperoleh dari penemuan, percobaan, pengamatan yg tlh dilakukan)	KBBI, KBMN
Kritik	analisis, penilaian dan teguran terhadap karya seni, sastera, dsb	KD3, KBBI, KBMN
	teguran keras, kecaman, bidasan; celaan, sanggahan	KD3, KUBI, KBBI, KBMN
	genting; kemelut; sangat berbahaya (ttg keadaan)	KUBI
Kritikal	menunjukkan atau mungkin menimbulkan krisis, boleh atau mungkin menerbitkan kegentingan; genting; kritis	KD3, KBMN
	bersifat mengkritik, mengandungi kritikan (terhadap sesuatu atau seseorang); kritis	KD3, KBMN
Kritis	tidak dgn begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu), bersifat mengkritik (tidak menerima sesuatu bulat-bulat), bersifat tidak lekas percaya; kritikal	KD3, KBBI, KBMN
	berusaha menemukan kesalahan atau kekeliruan; tajam penganalisan	KUBI, KBBI, KBMN
	secara seorang kritikus	KUBI
	tegang (sesuatu keadaan), sangat berbahaya (keadaan), genting, kemelut, dlm keadaan krisis, gawat; kritikal	KD3, KUBI, KBBI, KBMN
	keadaan yang paling menentukan berhasil atau gagal nya sst usaha	KBBI, KBMN
Praktik	perbuatan melaksanakan teori (keyakinan dll), pelaksanaan	KD3, KUBI, KBBI, KBMN
	perihal melakukan (menjalankan) pekerjaan profesional	KD3, KUBI, KBBI, KBMN
Praktikal	melibatkan atau berkaitan dgn pengalaman atau penggunaan sebenar, bukan teoretikal	KD3, KBMN
	sesuai untuk digunakan	KBMN
Praktis	berdasarkan kpd sesuatu yg praktik, boleh dan mudah melaksanakannya (menjalankannya, menggunakannya dll), kena benar	KD3, KUBI, KBBI, KBMN
Teknik	pengetahuan yg berkaitan dgn pembuatan barang-barang hasil industri (spt jentera, kenderaan, bangunan, dll)	KD3, KUBI, KBBI, KBMN
	kaedah mencipta sesuatu hasil seni (muzik, karang-mengarang, dll)	KD3, KUBI, KBBI
	cara sistematis mengerjakan sst	KBBI
	teknikal; teknis	KBMN
Teknikal	berkaitan dgn pelaksanaan sesuatu kerja dsb (tidak dgn aspek-aspek atau perincian kerja itu sendiri); teknis	KD3, KBMN

	berkaitan dgn sesuatu bidang pengetahuan yg tertentu; teknis	KD3, KBMN
Teknis	mengenai (menurut, dsbg.) teknik, secara teknik; bersifat atau berkaitan dgn teknik; teknik; teknikal	KUBI, KBBI, KBMN

2.2 Pedoman pembentukan istilah

Dalam Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu Edisi Baharu (2005:30-32), akhiran *-ik*, *-ikal* dan *-is* dalam bahasa Melayu dikategorikan sebagai “Daftar Akhiran dan Penghujung Kata daripada Bahasa Asing” sebagai padanan kepada akhiran bahasa asing yang telah disesuaikan ke dalam bahasa Melayu:

- (i) *-ic*, *-ique* dipadankan dengan *-ik*

analgesic	analgesik
electronic	elektronik
unique	unik
critique	kritik

- (ii) *-ical* dipadankan dengan *-is* atau *-ikal*

economical	ekonomis
practical	praktis, praktikal
logical	logis

- (iii) *-ist* a) *-ist* (‘orang’, ‘pakar’, ‘ahli’)

extremist	ekstremis
pessimist	pesimis
optimist	optimis

b) diterjemahkan sebagai ahli

scientist	ahli sains
therapist	ahli terapi
strategist	ahli strategi

2.3 Pandangan tokoh bahasa

Menurut pendapat Asmah Hj. Omar (1993:76, 157), akhiran *-is* disesuaikan daripada akhiran *-ist* yang terdapat dalam bahasa Inggeris. Makna yang didukungnya ialah “ahli” atau orang yang menghasilkan sesuatu. Misalnya “cerpenis”, “sasterawanis” dan “teknologis”. Selain itu, *-is* juga dipinjam daripada akhiran dalam bahasa Belanda *-isch*

melalui bahasa Indonesia. Padanannya dalam bahasa Inggeris ialah *-ical* seperti *geographical* – geografis, *economical* – ekonomis ataupun *phonological* – fonologis.

Menurut Nik Safiah dkk (1995:298-299) pula, akhiran *-is*, *-ik* dan *-al* (*-ikal*) adalah bentuk-bentuk akhiran daripada bahasa Yunani-Latin-Inggeris yang belum terserap sebagai imbuhan pembentukan kata bahasa Melayu. Sebahagian besar bentuk perkataan ini dipinjam secara keseluruhan. Contohnya:

(i) *-ik*

Contoh perkataan:	fonemik fonetik	linguistik saintifik
-------------------	--------------------	-------------------------

(ii) *-al* (*-ikal*)

Contoh perkataan:	klinikal praktikal	kritikal leksikal
-------------------	-----------------------	----------------------

(iii) *-is*

Contoh perkataan:	ekonomis praktis	sistematis kritis
-------------------	---------------------	----------------------

Bagaimanapun, pernyataan yang diberikan tersebut masing-masing tidak menyatakan secara jelas sama ada penggunaan setiap perkataan yang mempunyai stem yang sama tetapi berlainan akhiran seperti “kritis” dan “kritikal” boleh saling bertukaran penggunaannya, ataupun sebaliknya.

Oleh yang demikian, satu metode yang lebih spesifik diperlukan untuk meneliti sejauh mana persamaan kata yang terbit dengan akhiran yang berbeza antara *-ik*, *-ikal* dan *-is* ataupun perbezaan yang didukung oleh setiap satunya; khasnya untuk perkataan yang berasal daripada adjektif berakhiran *-ical* dalam bahasa Inggeris.

3.0 Pendekatan linguistik korpus

Kaedah linguistik korpus telah membolehkan penelitian makna sesuatu perkataan berdasarkan penelitian terhadap kolokasinya. Menurut Biber (1993), “...pairs of

functionally synonymous words (or words that at first sight appear to be exchangeable in a variety of contexts) can be distinguished on the basis of their significant collocates, even if the patterns observed cannot be easily characterised.... That is to say, the meaning of words is defineable and distinguishable in terms of their (significant) collocates.”

Berdasarkan pendekatan linguistik korpus, Rusli Abd. Ghani dan Salmah Jabbar (1994) telah melihat perbezaan makna pada perkataan “wanita” dan “perempuan” yang pada akhirnya mempunyai makna yang sama tetapi tidak seluruhnya sinonimi setelah diteliti corak dan kekerapan kolokasinya. Kaedah yang sama juga digunakan oleh Church et. al. (1991:119ff) untuk melihat perkataan “*strong*” dan “*powerful*” yang mempunyai persamaan dari segi semantik tetapi ternyata berbeza berdasarkan corak dan kekerapan kolokasinya yang dinilai dengan kaedah statistik² dalam linguistik korpus. Sila lihat Biber (1993) dan Sinclair (1991) untuk huraian yang terperinci tentang kajian makna kata berdasarkan penelitian kolokasi. Huraian dan contoh untuk pelbagai teknik pengiraan statistik linguistik korpus untuk kajian yang berlainan juga boleh didapati dalam Oakes (1998)².

Selain itu, Gries (2001) dalam analisis *-ic* dan *-ical* untuk bahasa Inggeris juga menggunakan kaedah yang dicadangkan oleh Tversky dalam bukunya “*Features of Similarity*” untuk melihat kadar persamaan antara dua entiti berdasarkan model persamaan geometri – persamaan antara dua entiti E_1 dan E_2 diwakili oleh jarak metrik antara entiti ini; digabungkan dengan metode yang dicadangkan oleh Biber. Menurut Gries, kaedah Tversky dapat melihat persamaan dan perbezaan antara dua entiti dengan mengandalkan pendekatan yang serupa ke arah kesamaan konsep – “*...a symmetric approach towards the similarity of concepts*”. Dalam erti kata yang lain, persamaan antara E_1 dan E_2 diwakili oleh jarak metrik iaitu E_1 seharusnya serupa dengan E_2 sebagaimana E_2 serupa dengan E_1 . Ini bererti, jarak metrik antara E_1 dan E_2 haruslah sama dengan jarak metrik antara E_2 dan E_1 .

Bagaimanapun, dalam sesetengah kes, kesamaan ukuran tersebut selalunya tidak serupa lalu Tversky mencadangkan kaedah tambahan yang dapat merangkumkan kedua-dua situasi; untuk melihat persamaan (dengan sesetengah ketidaksamaan):

- jumlah bentuk yang ada pada kedua-dua E_1 dan E_2 ($E_1=E_2$)
- jumlah bentuk yang ada pada E_1 tetapi tiada pada E_2 (E_1-E_2)
- jumlah bentuk yang ada pada E_2 tetapi tiada pada E_1 (E_2-E_1)

(sumber: Tversky 1997:330)

Melihat kepada kepelbagaian teknik dan metode yang sedia ada, kajian ini akan menggabungkan analisis kolokasi signifikan Biber (1993) untuk melihat hubung kait persamaan dan perbezaan antara perkataan berdasarkan kolokasi signifikan dan kaedah ESCO (*Estimation of Significant Collocate Overlap*) dalam bentuk diagram dwi-dimensi (carta taburan) yang diusulkan oleh Gries (2001) untuk melihat korelasi antara perkataan yang terbit dengan akhiran -ik, -ikal dan -is.

4.0 Metode dan hasil analisis

Satu senarai kekerapan perkataan untuk keseluruhan data korpus sebanyak 100 juta kata³ dihasilkan. Kemudian, kesemua perkataan yang berakhir dengan akhiran -ik, -ikal dan -is dikeluarkan (perkataan yang bukannya terbit daripada kata pinjaman dengan akhiran -ik/-ikal/-is dikeluarkan spt. baik, krisis, basikal, dsb.) dan dihimpunkan untuk analisis. Untuk tujuan melihat perbandingan yang lebih menjurus antara ketiga-tiga akhiran ini, data tersebut dibahagikan ke dalam tiga kolum untuk perbandingan masing-masing -ik dengan -ikal, -ik dengan -is, dan -ikal dengan -is⁴.


Berdasarkan senarai tersebut, 6 pasang patah perkataan dengan ketiga-tiga akhiran yang mempunyai kekerapan minimum 30 kali dikeluarkan dan senarai ini akan menjadi asas kajian ini⁵; ditunjukkan di dalam Jadual 1 di bawah. Setiap perkataan ini kemudian dijana konkordans untuk memperoleh kolokasi⁶. Dalam kajian ini, hanya kolokasi yang wujud sekurang-kurangnya dua kali (kolokasi signifikan) akan diambil kira dalam perkiraan

kerana kolokasi yang wujud sekali sahaja dalam julat data yang besar lazimnya tidak dapat menunjukkan signifikan makna perkataan yang berkolokasi dengannya.

Stem	-ik	-ikal	-is
analit-	67	108	93
ekonom-	248	54	82
empir-	75	148	282
krit-	1089	3104	1177
prakt-	444	2604	477
tekn-	12656	7725	38

Jadual 1: Kekerapan bagi setiap perkataan akhiran -ik/-ikal/-is daripada data korpus DBP sebanyak 100 juta kata

Data ini kemudiannya akan dilakarkan pada carta taburan ESCO⁷ untuk memperlihatkan korelasi setiap perkataan dengan akhiran yang berbeza (Gries: 2001).




Perhatikan Rajah 1, setiap titik pada carta mewakili darjah atau peratusan kolokasi signifikan akhiran masing-masing (-ik dengan -ikal, -ik dengan -is dan -ikal dengan -is) yang sama atau dikongsi berbanding dengan kolokasi signifikan masing-masing. Sebagai contoh, jumlah kolokasi signifikan untuk “kritik” ialah 88 dan jumlah kolokasi signifikan untuk “kritikal” ialah 140. Jumlah kolokasi signifikan yang ada (saling dikongsi) pada kedua-dua “kritik” dan “kritikal” ialah 15. Maka peratusan kolokasi signifikan bagi “kritik” yang juga berkolokasi dengan “kritikal” ialah 17.05% (15 daripada 88 peratus) dan peratusan kolokasi signifikan bagi “kritikal” yang juga berkolokasi dengan “kritik” ialah 10.71% (15 daripada 140 peratus); menghasilkan titik pada (17.05; 10.71). Proses yang sama juga dilakukan untuk memperlihatkan perbandingan antara perkataan akhiran -ik dengan -is (■), -ikal dengan -is (▲) dan perkataan -ik dengan -ikal (◆) yang

seterusnya. Tujuan pengiraan peratusan kolokasi signifikan yang dikongsi kepada jumlah kolokasi signifikan sesuatu perkataan adalah untuk memperlihatkan tahap kesamaan perkataan itu dengan perkataan lain. Misalnya antara “kritik” dan “kritikal”; semakin tinggi darjah koordinat titik menandakan darjah kesamaan (% kolokasi signifikan yang dikongsi) yang semakin tinggi. Bagaimanapun, tahap kesamaan ini juga dilambangkan oleh darjah koordinat dan peratusan kedua-dua perkataan (jarak titik pada carta antara paksi X dan paksi Y).



Beberapa pemerhatian dapat dilakukan berdasarkan rajah ESCO tersebut (pada masa yang sama menjelaskan lagi dapatan kajian melalui metode ini). Pada Rajah 1, setiap pasangan perkataan menunjukkan sifat yang berbeza, meskipun rata-ratanya menunjukkan beza peratusan yang tidak jauh antara pasangan -ik/-ikal, -ik/-is dan -ikal/-is masing-masing⁸. Untuk memperlihatkan kepraktisan penggunaan metode ini dalam kajian perbandingan -ik, -ikal dan -is, dapatan daripada rajah ESCO akan digambarkan/dibandingkan dengan asas teoretis terlebih dahulu, diikuti dengan kes yang tidak dinyatakan dalam asas kajian lepas.

Sila perhatikan pasangan masing-masing untuk empir(is/ik/ikal). Berdasarkan makna leksikal yang diberikan dalam KD3 dan KBMN, stem empir- yang berakhir dengan ketiga-tiga akhiran ini adalah saling bersinonim; dengan “empirikal” merujuk kepada “empirik” di dalam KBMN dan “empirikal” dan “empiris” dikelompokkan sekali gus dengan entri “empirik” dalam KD3. Taburan empir(is/ik/ikal) pada rajah ESCO amnya menyokong kenyataan ini dengan titik taburan yang terletak dalam pola yang berdekatan dan kedudukannya menunjukkan adanya kolokasi signifikan yang saling dikongsi antara setiap akhiran tersebut. Bagaimanapun, dalam hujah kedua iaitu “empirikal” merujuk kepada “empirik” (KBMN), rajah ESCO menunjukkan dapatan yang sebaliknya dengan peratusan kolokasi signifikan yang dikongsi kepada jumlah kolokasi signifikan untuk “empirik” (50%) lebih besar daripada peratusan kolokasi signifikan yang dikongsi kepada jumlah kolokasi signifikan untuk “empirikal” (26.67%). Dengan kata lain, semakin besar kadar peratusan kolokasi signifikan yang dikongsi kepada jumlah kolokasi signifikan sesuatu perkataan, semakin tinggi kadar perkataan itu berkait dan merujuk kepada

pasangannya kerana jumlah kolokasi signifikannya daripada jumlah kekerapan yang lebih rendah berbanding dengan pasangannya. Hasil analisis ini disokong oleh model Tversky yang melihat tahap persamaan antara dua entiti berdasarkan jarak metrik. Rajah 2 melakarkan diagram “*set-theoretic*” berasaskan model Tversky (1997:330) yang menyenaraikan kesemua kolokasi signifikan berdasarkan darjah kekerapannya.



Sebelum kita mengulas tentang tahap persamaan antara “empirik” dan “empirikal” berdasarkan jarak metrik, elok kita teliti kolokasi setiap perkataan ini dengan makna leksikal di dalam kamus terlebih dahulu. Kedua-dua KD3 dan KBMN merakamkan makna yang sama untuk “empirik” dan “empirikal” iaitu ‘berdasarkan pemerhatian dan eksperimen dan bukannya teori’ – maksud ini dibawa oleh kolokasi kedua-dua perkataan ini seperti *pengetahuan, penyelidikan, kaedah, bukti, fakta, faham dsb*. Ini mengukuhkan lagi hujah Biber (1993) bahawa makna perkataan boleh dikenal pasti melalui kolokasi signifikannya. Berbalik kepada model persamaan Tversky, pada diagram di atas, “empirikal” mempunyai kolokasi signifikan yang melebihi kolokasi signifikan “empirik” dan kolokasi signifikan “empirikal” yang tiada pada “empirik” lebih banyak daripada kolokasi signifikan “empirik” yang tiada pada “empirikal”. Maka, jarak metrik antara “empirikal” sebagai (E_1) dan “empirik” sebagai (E_2) tidak sama kerana ($E_1 - E_2 > E_2 - E_1$). Oleh yang demikian, “empirikal” memiliki wilayah penggunaan yang lebih luas berbanding dengan “empirik” dan ketiga-tiga pemerhatian menyokong cadangan yang sama iaitu sungguhpun “empirik” dan “empirikal” mendukung makna yang bersinonim, akan tetapi wilayah penggunaan “empirikal” lebih luas berbanding dengan “empirik” – dengan itu, “empirik” akan merujuk kepada “empirikal” dan bukan sebaliknya.



Sila perhatikan Rajah 3 dan Rajah 4 di atas. Berdasarkan diagram tersebut, daripada lapan kolokasi signifikan, “empirik” berkongsi empat kolokasi signifikan dengan “empiris” yang mempunyai 21 kolokasi signifikan dengan titik koordinat pada (50%, 19.05%). Ini menunjukkan “empiris” mempunyai wilayah penggunaan yang lebih luas dan lebih kerap berbanding dengan “empirik”⁹. Rajah 4 pula melakarkan diagram perbandingan kolokasi signifikan yang dikongsi bersama oleh “empirik” dan “empiris” sebanyak tujuh dengan jumlah kolokasi signifikan masing-masing sebanyak 13 dan 21. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua perkataan ini walaupun saling bersinonim (kolokasi signifikan yang dikongsi *secara, bukti, kajian, dsb* menepati makna leksikal KBMN dan KD3) tetapi masih wujud perbezaan dari aspek kekerapan penggunaannya – “empiris” lebih luas digunakan berbanding dengan “empirik”¹⁰.

Beralih kepada perkataan prakt(is/ik/ikal), dapatan pada ESCO menunjukkan hasil yang agak berbeza berbanding dengan empir(is/ik/ikal). Sementara kamus merakamkan makna leksikal yang sama kepada ketiga-tiga “empiris”, “empirik” dan “empirikal”, makna

leksikal untuk “praktis”, “praktik” dan “praktikal” agak berbeza meskipun ketiga-tiganya melibatkan ‘bukan setakat teori’.

Merujuk kepada carta ESCO, “praktik” mencatatkan peratusan kolokasi signifikan yang dikongsi dengan “praktikal” kepada jumlah kolokasi signifikannya sebanyak 59.09% dan praktikal pula sebanyak 13.54%. Walaupun titik koordinat pada carta ESCO menunjukkan adanya pertindihan antara kolokasi (kesinoniman), namun peratusan keduanya agak jauh berbeza dan ini menggambarkan terdapat perbezaan yang agak ketara pada kedua-dua perkataan ini.¹¹

Kolokasi signifikan yang bertindih antara “praktik” dan “praktikal” iaitu *secara, dengan, tidak, masalah, pengalaman, pelajaran, dsb* masing-masing menggambarkan makna ‘bukan setakat teori’ yang dirakam di dalam kamus. KD3, KUBI, KBBI dan KBMN masing-masing merakamkan “praktik” sebagai ‘perbuatan melaksanakan teori’ ataupun ‘perihal menjalankan pekerjaan’ sementara “praktikal” menurut KD3 dan KBMN adalah ‘melibatkan/berkaitan dengan pengalaman atau penggunaan sebenar, bukan teoretikal’.

Namun, selain daripada 13 kolokasi signifikan yang dikongsi, “praktikal” mempunyai 83 lagi kolokasi signifikan yang lain berbanding “praktik” dengan sembilan kolokasi signifikan yang tidak bertindih dengan kolokasi signifikan “praktikal”. Banyaknya jumlah kolokasi signifikan yang tidak bertindih berbanding dengan kolokasi signifikan yang dikongsi menandakan makin besar kebarangkalian wujudnya ketidaksamaan antara kedua-dua perkataan tersebut. Dalam KBMN, “praktikal” dicatatkan dengan satu lagi variasi makna iaitu ‘sesuai untuk digunakan’ dan makna ini tidak ada pada “praktik” di dalam kamus. Kolokasi signifikan “praktikal” yang lain (tidak bertindih dengan kolokasi signifikan “praktik”) berkait rapat dengan makna yang dinyatakan dalam KBMN tersebut seperti *paling, amat, begitu, sangat, idea, langkah, tindakan, penyelesaian, kehidupan, aplikasi, dsb*. Kolokasi signifikan “praktik” yang lain pula tidak berkait rapat dengan maksud ‘sesuai untuk digunakan’ dalam KBMN seperti *mengenai, contoh-contoh, efisien, dsb*. Maka selain berkongsi makna yang sama dalam sesetengah konteks, “praktik” dan “praktikal” mempunyai perbezaan dalam konteks yang berlainan.

Kes “praktikal” dan “praktis” pula lebih rumit kerana makna leksikal yang dirakam di dalam KD3, KBMN, KUBI dan KBBI semuanya menyatakan makna yang berkait rapat untuk kedua-dua perkataan ini iaitu ‘penggunaan sebenar, bukan teoretikal, sesuai untuk digunakan’ dan ‘berdasarkan sesuatu yang praktik, boleh menjalankannya, kena benar’. Manakala carta ESCO pula menunjukkan titik koordinat prakt(ikal/is) yang agak berlainan antara jarak dari paksi X dan paksi Y, yang disebabkan oleh perbezaan peratusan kolokasi signifikan yang dikongsi kepada jumlah kolokasi signifikan kedua-dua perkataan yang berbeza iaitu “praktikal” (18.75%) dan “praktis” (62.07%). Walau bagaimanapun, kolokasi signifikan yang dikongsi oleh kedua-dua “praktikal” dan “praktis” dilihat condong ke arah makna yang diberi oleh kamus dan memenuhi makna leksikal yang dirakam misalnya *latihan, kemahiran, kerja, pengalaman, penyelesaian, dsb.*

Sekiranya dilihat semula, perkataan “praktikal” dan “praktis” sebenarnya berasal daripada perkataan pinjaman “*practical*” dalam bahasa Inggeris dan menurut Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (2003:31) akhiran *-ical* dalam Inggeris boleh dipadankan dengan sama ada *-ikal* ataupun *-is*; dan kedua-duanya membawa makna yang sama. Maka dalam kes ini, walaupun kekerapan penggunaan “praktikal” lebih daripada “praktis” dan hasil analisis ESCO mendapati titik koordinat “praktikal” lebih jauh daripada paksi Y berbanding “praktis” ke paksi X, ini menandakan bahawa penggunaan “praktikal” lebih digemari dan luas digunakan oleh khalayak berbanding dengan “praktis”.

Kita beralih pula kepada kes yang lebih menarik iaitu perkataan analit(is/ik/ikal). Menariknya kes ini kerana dua daripada perkataan ini tidak dirakam di dalam mana-mana kamus rujukan dan “analitikal” wujud dengan kekerapan 108, melebihi “analitis” yang terdapat dalam KD3 dan KBBI dengan kekerapan 93 diikuti oleh “analitik” sebanyak 67.

Berdasarkan carta ESCO, “analitis” menunjukkan tahap persamaan yang agak malar dengan pasangan masing-masing “analitik” dan “analitikal” dengan satu nisbah dua (1:2)

– peratusan kolokasi signifikan “analitis” yang juga berkolokasi dengan kolokasi signifikan “analitik” dan “analitikal” masing-masing ialah 50% dan 100%. Ini menunjukkan bahawa tahap persamaan “analitis” kepada “analitikal” lebih tinggi daripada tahap persamaan “analitis” kepada “analitik”. Jadi, kebarangkalian tahap kesinoniman antara “analitis” dengan “analitikal” lebih dekat daripada tahap kesinonimannya dengan “analitik”. Dalam pada itu, walaupun makna leksikal untuk “analitikal” tidak terdapat di dalam kamus, berdasarkan carta ESCO, kita dapat melihat perkaitannya dengan perkataan yang lain melalui pertindihan kolokasi signifikan¹¹.

Berdasarkan pemerhatian pada ESCO, walaupun darjah persamaan “analitis” kepada “analitikal” tinggi iaitu 100%, ini tidak bermakna “analitis” dan “analitikal” bersinonim sepenuhnya kerana peratusan kolokasi signifikan “analitikal” yang juga kolokasi signifikan “analitis” hanya 15.38%. Dengan kata lain, “analitikal” mempunyai penggunaan yang lebih luas berbanding “analitis” tetapi sama ada konteks penggunaannya adalah sama dengan konteks penggunaan “analitis” (menganalisis pedoman menyatakan akhiran -ikal dan -is adalah padanan yang sama untuk -ical) penelitian lanjut yang lebih terperinci terhadap corak dan kekerapan kolokasi perlu dilakukan untuk memperoleh makna sahih perkataan tersebut berdasarkan data autentik¹².

Beralih kepada kes “analitik”, ESCO menunjukkan peratusan kolokasi signifikan “analitik” yang bertindih dengan kolokasi signifikan “analitikal” sebanyak 60% dan “analitis” 20%. Peratusan pertindihan kolokasi signifikan ini menandakan bahawa “analitik” berkongsi darjah persamaan yang lebih dekat dengan “analitikal” berbanding dengan “analitis”. Bagaimanapun, kenyataan ini tidak mencadangkan bahawa “analitik” bersinonim dengan “analitikal” sepenuhnya kerana pertamanya, pedoman pembentukan istilah menetapkan bahawa -ik adalah padanan untuk akhiran bahasa pinjaman -ic atau -ique, walaupun ada kalanya -ik juga menggantikan akhiran -ikal/-is dalam sesetengah kes¹³. Yang kedua, jarak antara titik koordinat “analitik” ke paksi Y lebih dekat daripada jarak “analitikal” ke paksi X. Perbezaan antara jarak koordinat yang agak ketara ini menandakan wujudnya perbezaan penggunaan antara “analitik” dan “analitikal”. Maka

antara “analitik” dan “analitikal”, masih wujud perbezaan penggunaan selain daripada persamaan yang diwakili oleh kolokasi signifikan yang dikongsi.

5.0 Kesimpulan

Kajian ini menggabungkan beberapa metodologi linguistik korpus untuk melihat korelasi persamaan dan perbezaan antara perkataan akhiran -ik, -ikal dan -is tanpa menyentuh makna konteks akhiran yang berbeza. Kita dapati sesetengah perkataan itu, di samping dikatakan bersinonim dan berfungsi sebagai padanan akhiran yang sama kepada bahasa pinjaman, tetapi pada masa yang sama menerbitkan pola penggunaan yang berbeza. Penggunaan metode analisis ini dapat memperlihatkan darjah korelasi dua perkataan sama ada A lebih menyamai B ataupun sebaliknya. Teori ini amat bermanfaat sama ada untuk penelitian bidang leksikografi, terminologi, mahupun leksikologi. Untuk memperoleh dapatan yang dapat mencerminkan corak penggunaan sebenar bahasa, pentingnya analisis ini didasarkan pada data yang semula jadi, autentik, seimbang dan mewakili masyarakat penuturnya (McEnery & Wilson: 1997), (Knowles:1996:36-53).

Penggunaan kaedah ESCO (Gries:2001) dan kolokasi signifikan (Biber:1993) dalam analisis akhiran pinjaman dalam bahasa Melayu ini diharap dapat memangkinkan lebih banyak kajian lanjut untuk penelitian aspek lain misalnya (i) untuk melihat pola antara akhiran -is yang berasal daripada ‘orang, pakar’ ataupun ?, dan (ii) pola pasangan -ik/-ikal/-is yang lain, ataupun (iii) penelitian terhadap corak kolokasi dan makna konteks setiap perkataan.

“A language is the emblem of its speakers.”

- R.M.W. Dixon, 1997, *The Rise and Fall of Languages*,
Ch. 9, Sect.3 (Crystal & Crystal: 2000)

Ringkasan

DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
ESCO	-	<i>Estimation of Significant Collocate Overlap</i>
KD3	-	Kamus Dewan Edisi Ketiga
KBBI	-	Kamus Besar Bahasa Indonesia
KBMN	-	Kamus Bahasa Melayu Nusantara
KUBI	-	Kamus Umum Bahasa Indonesia

Nota

¹ Jumlah kumulatif data korpus bahasa Melayu DBP sebanyak 100 juta patah perkataan sehingga Disember 2004.

² Huraian dan kaedah pengiraan statistik cth. t-test, U-test, analisis Chi-Square, loglinear, dsb. boleh dirujuk pada Oakes (1998).

³ Jumlah kumulatif data korpus bahasa Melayu DBP sebanyak 100 juta kata sehingga 31 Disember 2004 diproses dengan perisian *WordSmith Tools* yang diedarkan oleh Oxford University Press.

⁴ Senarai kekerapan keseluruhan kata yang berakhir dengan bentuk terbitan -ik, -ikal dan -is dilampirkan pada Lampiran 1 dan Lampiran 2 adalah senarai perbandingan antara akhiran -ik dengan -ikal, -ik dengan -is dan -ikal dengan -is.

⁵ Senarai ini juga diturunkan makna leksikal berdasarkan kamus rujukan pada bahagian 2.1 kertas kerja ini; selain daripada beberapa patah perkataan yang tidak terdapat dalam mana-mana kamus rujukan.

⁶ Konkordans ini dijana dengan perisian *Concordance* yang boleh dimuat turun (versi cubaan) dengan fungsi "*Make Fast Concordance*" untuk memperoleh kesemua kolokasi kiri pertama (*L1 collocate*) untuk setiap perkataan tersebut. Kolokasi L1 dipilih untuk analisis ini kerana keenam-enam pasang perkataan (akhiran -ik/-ikal/-is) adalah adjektif; dengan nama lainnya kata sifat ataupun penerang nama. Oleh yang demikian, kolokasi L1 diambil kira khususnya untuk melihat darjah kesinoniman makna setiap adjektif dengan akhiran yang berbeza apabila sama-sama menerangkan nama/objek. Bagaimanapun, kolokasi kanan pertama (*R1 collocate*) juga diambil kira khasnya apabila adjektif tersebut menerangkan frasa nama ataupun kata majmuk.

⁷ Penghargaan kepada Pn. Norlina Md. Amin dan Pn. Rohana Yahaya dari Bahagian Sistem Maklumat, DBP atas bantuan yang dihulurkan dalam penyediaan carta taburan dengan program MS Excel.

⁸ Dalam kertas ini, tidak kesemua perkataan akan diperincikan analisisnya atas had panjang kertas kerja. Bagaimanapun, beberapa variasi kes dengan pola yang berbeza akan cuba dihuraikan dalam kertas ini berdasarkan taburan pada carta ESCO.

⁹ Penelitian yang lebih lanjut perlu dilakukan untuk mengetahui sama ada wujud atau tidak perbezaan makna antara empiris dan empirik dalam konteks yang tertentu di samping kesinonimannya dalam sesetengah penggunaan. (Darjah perbezaan digambarkan pada jarak titik koordinat empiris yang lebih jauh daripada paksi X berbanding dengan empirik ke paksi Y).

¹⁰ Titik koordinat pada carta ESCO menunjukkan jarak empiris dari paksi X hampir sama dengan jarak empirikal ke paksi Y. Walaupun terdapat sedikit perbezaan pada jarak tersebut iaitu sebanyak 13.34% tetapi nisbah sebenarnya hanya kepada 1/2 kolokasi signifikan sahaja. Walau bagaimanapun, kadar persamaan yang lebih tepat boleh diukur dengan formula loglinear ($-2\log\Omega$) dalam kaedah statistik linguistik korpus dan kesinoniman kedua-dua perkataan ini boleh diperincikan lagi dengan meneliti kesemua corak kolokasi signifikan bagi kedua-dua perkataan ini (tidak dijangkau dalam kajian kertas ini kerana tumpuan yang terlalu mendalam (meneliti jenis dan token) akan mengabaikan peruntukan penelitian untuk perkataan yang lain).

¹¹ Perlu diberi perhatian bahawa bukan mana-mana dua perkataan boleh dibandingkan dengan kaedah ESCO dan perbandingan kolokasi kerana kedua-dua pasang perkataan hendaklah berkongsi makna leksikal yang hampir serupa ataupun mempunyai fungsian yang dekat (Gries: 2001). Misalnya "mahal" dan "biru" masing-masing membawa makna leksikal yang sama sekali berbeza dan kedua-duanya berkemungkinan besar berkongsi kolokasi yang sama seperti "kereta" ataupun "baju"; dalam kes ini sekiranya ESCO digunakan untuk perbandingan, dapatan yang dihasilkan sama sekali tidak relevan.

¹² Fokus kertas ini adalah untuk memperlihatkan sama ada wujudnya tahap persamaan ataupun perbezaan antara perkataan akhiran -ik, -ikal dan -is dengan kaedah statistik dan model persamaan; tidak mencakup kajian makna konteks setiap perkataan.

¹³ Contoh kes seperti "*political*" – politik, "*electrical*" – elektrik

Bibliografi

Asmah Hj. Omar (1993) *Nahu Melayu Mutakhir*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, hlm. 76, 157.

Biber, Douglas (1993) “*Co-occurrence Patterns among Collocations: A Tool for Corpus-Based Lexical Knowledge Acquisition*” *Computational Linguistics* 19, hlm. 531-538.

Church, Kenneth W., Gale, W., Hanks, P. dan Hindle, D. (1991) “*Using Statistics in Lexical Analysis*” Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum, dalam U. Zernik (ed). *Lexical Acquisition: Exploiting On-line Resources to Build a Lexicon*, hlm. 115-164.

Crystal, David dan Crystal, Hilary (2000) “*Words on Words*” Penguin Books: England.

Gries, Stefan Th. (2001) “*A Corpus-linguistics Analysis of English -ic and -ical Adjectives*” *ICAME Journal*, 25, hlm. 65-108.

Gries, Stefan Th. (2003) “*Testing the sub-test: An analysis of English -ic and -ical adjectives*” John Benjamin Publishing Company: Amsterdam, *Corpus Linguistics* 8, hlm. 31-61.

Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kedua (1996) Balai Pustaka: Jakarta.

Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003) Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei: Bandar Seri Begawan.

Kamus Dewan Edisi 3 (1996) Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Kamus Umum Bahasa Indonesia (1976) PN Balai Pustaka: Jakarta.

Knowles, Gerry (1996) “*Corpora, databases and the organization of linguistic data*” Longman Publishing: New York, *Using Corpora for Language Research*, hlm. 36-53.

McEnery, Tony dan Wilson, Andrew (1997) “*Corpus Linguistics*” Edinburgh University Press: Edinburgh.

Nik Safiah et. al. (1996) *Tatabahasa Dewan Edisi Baru*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, hlm. 298-299.

Oakes, M.P. (1998) “*Statistics for Corpus Linguistics*” Edinburgh University Press: Edinburgh.

Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (2005) Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, hlm 30-32.

Rusli Abd. Ghani dan Salmah Jabbar (1994) *Perempuan, Wanita dan: Suatu Kajian Hubungan Leksikal Berdasarkan Korpus*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, <http://dbp.gov.my/2000/bahasa/k.pdf>

Sinclair, J. (1991) *“Corpus, Concordance and Collocation”* Oxford University Press: England.

Tversky, A. (1997) *“Features of Similarity”* Psychological Review, 84, hlm. 327-352.

Kata –ik/-ikal	Total	Kata –ik/-is	Total	Kata –ik/-is	Total	Kata –ikal/-is	total
analitik	67	autokratik	137	pragmatis	160	biologikal	117
analitikal	108	autokratis	2	praktik	444	biologis	31
ekonomik	248	automatik	3166	praktis	477	gramatikal	32
ekonomikal	54	automatis	127	romantik	870	gramatis	306
elektrik	1049	demokratik	1702	romantis	556	ekonomikal	54
elektrikal	304	demokratis	75	semantik	815	ekonomis	82
empirik	75	diakronik	21	semantis	12	kritikal	3104
empirikal	148	diakronis	16	semiotik	211	kritis	1177
fizik	1531	didaktik	90	semiotis	3	kronologikal	5
fizikal	9854	didaktis	13	simbolik	1028	kronologis	24
klasik	4061	dinamik	2417	simbolis	133	leksikal	288
klasikal	144	dinamis	461	sinkronik	17	leksis	123
klinik	4888	dramatik	1052	sinkronis	12	praktikal	2604
klinikal	1252	dramatis	359	sistematik	2018	praktis	477
kritik	1089	drastik	1427	sistematis	198	psikologikal	318
kritikal	3104	drastis	5	sintaktik	21	psikologis	75
komik	609	egoistik	33	sintaktis	22	teknikal	7725
komikal	5	egoistis	4	sintetik	278	teknis	38
lirik	2635	ekonomik	248	sintetis	4	teoretikal	38
lirikal	2	ekonomis	82	statik	1100	teoretis	65
logik	2201	eksotik	171	statis	89		
logikal	94	eksotis	5	strategik	5135		
mekanik	817	empirik	75	strategis	271		
mekanikal	1219	empiris	282	teknik	12656		
mistik	549	epidemik	238	teknis	38		
mistikal	28	epidemis	2	tragik	216		
muzik	20334	erotik	154	tragis	319		
muzikal	821	erotis	29				
optik	1193	estetik	630				
optikal	112	estetis	15				
politik	53247	fonetik	279				
politikal	25	fonetis	23				
praktik	444	generik	81				
praktikal	2604	generis	35				
retorik	508	ironik	23				
retorikal	4	ironis	80				
statistik	2718	Islamik	245				
statistikal	3	Islamis	27				
taktik	2906	kritik	1089				
taktikal	512	kritis	1177				
teknik	12656	kronik	1445				
teknikal	7725	kronis	11				
topik	2390	magik	33				
topikal	33	magis	308				
		mekanik	817				
		mekanis	85				
		organik	1871				
		organis	13				
		pragmatik	562				

Jadual 3: Senarai kata dan frekuensi mengikut perbandingan akhiran –ik dengan –ikal, -ik dengan –is dan –ikal dengan -is